

28 MAY 2000

Khutbah-AIDS

PENERANGAN BAHAYA AIDS DALAM KHUTBAH JUMAAT

RAUB, 28 Mei (Bernama) -- Pahang bercadang memberikan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat berhubung bahaya penyakit AIDS dengan menyelitkan perkara itu dalam khutbah Jumaat di masjid-masjid dalam negeri ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini.

Beliau berkata program kesedaran melalui khutbah ini telah berjaya dilaksanakan di negara Sudan, dengan kerjasama imam-imam masjid di negara itu.

Adnan berkata bagi melaksanakan cadangan itu, perkara itu akan dibawa pada mesyuarat mingguan exco bagi mengkaji dan membincangkan bagaimana ia boleh dilaksanakan di masjid-masjid di negeri ini.

Menurut beliau dengan adanya penerangan itu nanti ia akan dapat menyedarkan masyarakat khususnya di luar bandar, mengenai bahaya dan bagaimana menjauhkan diri dari penyakit yang boleh membawa maut itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Memperingati AIDS Sedunia 2000 dengan tema 'Hentikan Kebisuan Tentang AIDS, Hormat Setiap Pemergian, Hargai Setiap Nyawa' di sini.

Adnan berkata masyarakat tidak perlu menyisihkan mereka yang dijangkiti HIV, kerana ia tidak boleh berjangkit melalui pergaulan dan percakapan tetapi bersimpati dan membantu golongan itu.

Sementara itu Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir berkata sejak 1985 terdapat lebih 33,000 kes jangkitan HIV di negara ini dan daripada jumlah itu kira-kira 2,500 telah meninggal dunia.

Marina berkata Yayasan AIDS Malaysia menyumbang sebanyak RM50,000 kepada Jabatan Pendidikan Daerah Raub untuk membuat analisa dan juga perangkaan berhubung dengan kes HIV di daerah itu supaya penduduk setempat akan mendapat maklumat mengenainya.

Katanya, Majlis juga menimbangankan supaya sambutan Hari Memperingati AIDS diadakan di luar Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

ZY zb